

Membayar Zakat Kewajipan Terhadap Umat Islam



Oleh: Lailatul Insyirah Mustafa
Universiti Sains Islam Malaysia
Diterbitkan pada 8 Julai 2021

Zakat merupakan hak Allah SWT yang perlu kita lunaskan setiap tahun terhadap mereka yang berhak menerimanya. Sebagai mukmin, kita wajib memenuhi tuntutan rukun Islam yang keempat ini bagi menjaga hubungan baik dengan Allah SWT dan manusia.



Gambar hiasan

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 277 bermaksud, “Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mengerjakan sembahyang serta memberikan zakat, mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.”

Zakat terbahagi kepada dua, iaitu zakat yang berhubung dengan badan iaitu zakat fitrah dan zakat yang berhubung dengan harta iaitu zakat harta.

Zakat fitrah adalah zakat yang dikeluarkan setiap Muslim yang menemui sebahagian atau keseluruhan bulan Ramadan dan Syawal.

Kadar bayaran zakat fitrah bergantung kepada jenis beras yang kita makan setiap hari. Kadar ini merupakan kayu pengukur bagi golongan yang berkemampuan. Zakat fitrah tersebut akan diberikan kepada golongan yang lebih memerlukan.

Terdapat beberapa garis panduan semasa membayar zakat fitrah. Antaranya, sunat membayar pada bila-bila masa dalam bulan Ramadan dan membayarnya setelah solat subuh atau sebelum solat Aidilfitri.

Selain itu, makruh hukumnya jika membayar zakat setelah solat Aidilfitri. Akhir sekali, makruh membayar zakat pada hari raya Aidilfitri setelah matahari terbenam.

Hukum membayar zakat fitrah mengikut harga beras yang dimakan adalah sunat berdasarkan hadis Rasulullah SAW, “Dari Abi Sa’id Al-Khudri ra: Sesungguhnya kami di zaman Rasulullah SAW memberinya (membayar zakat fitrah) satu sha’ dari makanan yang dimakan, satu sha’ dari kurma. (Sahih Bukhari)”.

Tidak dinafikan, pasti ada individu tertentu yang tidak menjalankan kewajipan mereka dengan menunaikan zakat.

Perkara ini mungkin diambil mudah disebabkan kekurangan ilmu pengetahuan. Malah, ada yang tidak mahu mengeluarkan zakat kerana bimbang duit tersebut disalahgunakan oleh pihak kerajaan.

Menurut Allahyarham Datuk Seri Abu Hassan Din al-Hafiz, pentadbiran agama Islam berada di bawah kuasa Sultan, mengikut negeri masing-masing.

Apabila kita mengeluarkan zakat, maka ia akan dikumpulkan di bawah satu badan sama ada baitul mal atau badan zakat yang mempunyai mekanisme pengagihan sendiri.

Jawatankuasa syariah atau majlis fatwa negeri adalah badan yang bertanggungjawab memastikan penyaluran wang zakat benar-benar menepati syariah.

Antara kisah sahabat Nabi SAW yang masyhur adalah mengenai Tha’labah. Labah bin Hatib ra dikatakan seorang yang enggan membayar zakat pada zaman Nabi SAW lalu dihukum sebagai munafik.

Beliau meminta Nabi SAW mendoakan supaya ditambah rezekinya. Allah SWT mengurniakan Tha’labah nikmat yang sangat banyak sehingga beliau leka dengan tanggungjawabnya terhadap Pencipta.

Beliau juga enggan membayar zakat kepada utusan Nabi Muhammad SAW. Walaupun beliau bertaubat pada akhirnya, Nabi SAW tetap tidak mahu menerima zakatnya.

Implikasi terbesar ibadah zakat adalah menjadikan harta kita lebih berkat. Harta yang berkat tidak perlu banyak, cukup apabila selalu ada semasa diperlukan.

Harta yang berkat juga membuatkan hati pemiliknya sentiasa tenang. Manakala implikasi kepada masyarakat adalah mampu meningkatkan kesejahteraan ummah dan menstabilkan ekonomi.

Menurut kenyataan Lembaga Zakat Selangor, jumlah kutipan zakat antara Januari hingga Mac lalu adalah sebanyak RM134,154,747 berbanding RM137,982,428 dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Manakala, bilangan pembayar zakat menunjukkan peningkatan yang positif sebanyak empat peratus, iaitu 218,798 orang berbanding 210,901 orang tahun lalu.

Alhamdulillah, kini masyarakat mula memberi perhatian terhadap pembayaran zakat. Setiap tahun ada peningkatan dalam jumlah kutipan. Semoga kita semua peroleh rahmat dan keberkatan atas setiap amal ibadah yang kita lakukan.